

Utara mahu kuasai aset ekologi

B.H. 28 APR 1992

KUALA LUMPUR, Isnin — Perundingan Jawatan-kuasa Persediaan (Prep-Com) Unced mencerminkan usaha berterusan negara Selatan untuk mengatasi masalah pertumbuhan di negara membangun yang diabaikan sejak empat dekad lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kebimbangan negara Utara terhadap kemusnahan alam sekitar memberikan peluang kepada negara Selatan untuk mengemukakan masalah yang tidak diberikan perhatian sebelum ini.

"Adalah adil bagi kami menggunakan pendekatan ini. Negara Selatan akan terus berada di bawah kecuali negara maju sedia berkongsi kuasa pengawalan dalam struktur yang lebih demokratik serta suasana ekonomi antarabangsa yang lebih membantu.

"Biasanya apabila negara Utara yang berkuasa ini bercakap, suara negara membangun akan tenggelam kecuali jika kita sepakat dan bercakap dengan suatu suara yang nyaring di Rio nanti," katanya.

Menurutnya, kemajuan bagi penyelesaian isu alam sekitar turut terjejas berikutan pendirian negara Utara yang mahu Kemudahan Sedunia bagi Alam Sekitar (GEF) sebagai mekanisme tunggal bagi membiayai projek alam sekitar dalam rangka kerja keputusan yang bakal dicapai di Rio serta Persidangan Perubahan Cuaca dan Biodiversiti.